



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafs.gov.my

SIARAN MEDIA

MAKLUM BALAS SIDANG MEDIA OLEH YB TUAN LIM LIP ENG, AHLI PARLIMEN KEPONG BERKENAAN PEMINDAHAN TERNAKAN BABI HIDUP MERENTAS NEGERI

PUTRAJAYA, 9 FEBRUARI 2023 – Kementerian Pertanian & Keterjaminan Makanan (MAFS) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah mengeluarkan larangan pemindahan ternakan babi hidup antara negeri bagi tujuan mengekang penularan wabak penyakit African Swine Fever (ASF) melalui surat arahan Ketua Pengarah DVS bertarikh 10 Januari 2023. Ini adalah selaras dengan Protokol Veterinar Malaysia (PVM) berkenaan penyakit ASF bahawa kawalan pergerakan atau pemindahan dapat mengurangkan risiko kemasukan virus berkenaan.

Namun demikian, DVS Negeri boleh mempertimbangkan permohonan daripada negeri yang terjejak dengan wabak ASF untuk memindahkan ternakan babi hidup ke rumah sembelihan di negeri lain dengan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh DVS Negeri tanpa kompromi. Dalam perkara ini, negeri sumber perlu memastikan ternakan babi berkenaan adalah disahkan bebas penyakit melalui ujian makmal, surveilans klinikal yang dijalankan oleh DVS, borang deklarasi status haiwan (babi) perlu dilengkapkan oleh veterinar swasta/ladang atau pemilik haiwan/produk haiwan/premis, mempunyai kod ladang babi dan melampirkan lakaran *ear notching*, memastikan bilangan ternakan yang dipindahkan adalah sama seperti bilangan di dalam permit dan memastikan nombor kenderaan yang membawa ternakan adalah sama seperti di dalam permit pindah serta tidak dikongsi dengan ladang lain. Kelulusan permit adalah untuk tujuan penyembelihan sahaja serta hendaklah mematuhi semua syarat-syarat umum pemindahan ternakan antara negeri.

Berdasarkan unjuran sehingga Jun 2023 oleh DVS, bekalan daging babi dalam negara adalah mencukupi. Sehubungan itu, langkah-langkah yang diambil oleh DVS selaras dengan prosedur yang ditetapkan bagi mengawal penularan penyakit ASF dan memastikan tahap keselamatan makanan turut terjamin.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

9 Februari 2023